

Bekas PM Jepun

UM 30 AUG 1985

jumpa Mahathir

KUALA LUMPUR 29 Ogos - Jepun dan Malaysia hanya akan mengadakan perbincangan biasa yang menyentuh kepentingan dua hala antara kedua negara dalam satu pertemuan dengan bekas Perdana Menteri Jepun, Encik Zenko Suzuki dengan Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, esok.

Encik Suzuki yang tiba di ibu negara hari ini untuk memulakan lawatan lima hari ke sini memberitahu para pemberita, tidak ada perkara penting yang diatur untuk dibincangkan dalam pertemuan singkat itu.

Katanya, segala apa ca-

dangan yang akan dikemukakan atau yang disuarakan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir mengenai Jepun esok, akan diberitahu kepada Perdana Menteri Jepun Encik Yashiro Nakasone sekembalinya beliau ke tanahair nanti.

Beliau yang merupakan wakil khas Encik Nakasone sebelum itu akan menghadiri majlis perasmian Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) di Shah Alam.

Pembinaan pusat itu bertujuan meningkatkan pembangunan sumber tenaga manusia, dicadangkan sen-

diri oleh Encik Suzuki semasa melawat Malaysia pada tahun 1981, ketika beliau menjadi Perdana Menteri Jepun.

Encik Suzuki memberitahu beliau juga akan turut serta dalam sambutan Hari Kemerdekaan di Melaka pada pagi 31 Ogos ini.

Pada 2 September, beliau akan mengunjungi bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Mengenai kunjungan itu, Encik Suzuki memberitahu ianya merupakan lawatan biasa dan mengeratkan persahabatan yang lama terjalin sewaktu beliau melawat Malaysia tahun 1981 lalu.

Sebelum itu ketibaan En-

cik Suzuki dan tiga orang anggota rombongan di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, disambut oleh Duta Besar Jepun ke Malaysia Encik Akitane Kiuchi dan para pegawai kedutaan.